

16/01/2003

FIA sedia bantu majukan sukan permotoran

Zairee Zahir

PERSEKUTUAN Automobil Antarabangsa (FIA) menyuarakan sokongan untuk membantu penubuhan Suruhanjaya Sukan Permotoran di Malaysia dengan tumpuan diberi terhadap usaha melahirkan pelumba muda, pembangunan petugas perlumbaan dan keselamatan.

Dalam pertemuan selama lebih dua jam dengan Max Mosley di London baru-baru ini, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein berkata, Presiden FIA itu mengiktiraf usaha yang dilakukan Malaysia dalam sukan permotoran dan pembabitan secara langsung Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan kini menjadi model kepada beberapa negara lain.

Menurutnya, dengan penubuhan Suruhanjaya Sukan Permotoran, Malaysia yang sudah mempunyai infrastruktur terkini dan bertaraf antarabangsa, boleh mengaut keuntungan lumayan daripada industri sukan permotoran dan automotif seperti yang dinikmati United Kingdom.

"FIA tidak sabar-sabar untuk bekerjasama dan membantu suruhanjaya ini melahirkan lebih ramai pelumba dan pemandu muda, selain melatih lebih ramai marsyal dan petugas keselamatan. Dia juga memperkenalkan saya dengan Menteri Sukan Britain, Richard Carbon yang bersetuju sambil berharap Malaysia dapat mencontohi usaha negara itu yang meraih keuntungan hampir 5 bilion pound daripada industri sukan permotoran.

"Saya menyifatkan pertemuan dengan Mosley dan Carbon sebagai sesuatu yang baik dan bakal memudahkan serta mempercepatkan penubuhan suruhanjaya ini di Malaysia," katanya sambil menambah suruhanjaya itu mungkin menjadi realiti dalam tempoh sebulan dua sesudah rang undang-undang penubuhannya dibentangkan di Parlimen.

Hishammuddin baru pulang selepas menghadiri mesyuarat Menteri Sukan dan Pendidikan Organisasi Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) di Paris sebelum mengadakan pertemuan dengan Mosley di London.

"Ini satu industri yang besar dan kita boleh mempercepatkannya kepada tahap yang sama dengan Britain kerana Malaysia sudah mempunyai infrastrukturnya. Kerajaan Britain juga mengakui eksport barangan pembuatan automotif adalah ketiga terbesar bagi negara itu dan kini mula memberi tumpuan terhadapnya," katanya.

Menurut Hishammuddin, Malaysia yang mempunyai hubungan erat dengan FIA seharusnya merebut peluang yang ada kerana banyak negara lain di Asia semakin menyedari dan mengakui pulangan lumayan yang mampu dinikmati hasil daripada sukan permotoran.

Sementara itu, dalam pertemuan dengan pemilik pasukan Formula Satu Minardi, Paul Stoddart di London, beliau berkata biarpun Alex Yoong tidak lagi menjadi pemandu pasukan itu musim 2003 dan Magnum Corporation bukan lagi menjadi antara penaja, hubungan komersil sedia ada tetap diteruskan.

"Alex adalah antara lapan pemandu musim lalu yang digugurkan dan pembabitannya dalam sukan perlumbaan Siri Perlumbaan Pasukan Automobil di Amerika Syarikat tidak bermakna aksinya dalam F1 sudah tiada langsung. Siapa tahu dia mungkin kembali lagi selepas ini. Lagipun kita mempunyai beberapa pemandu muda yang boleh diketengahkan," katanya.